



## SIARAN MEDIA

---

### **PEDi DIPERKUKUH SEBAGAI PUSAT SEHENTI MAKLUMAT KOMUNITI**

**BUKIT GELUGOR, 16 Februari 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini mengadakan lawatan kerja ke Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Taman Gelugor Indah, Pulau Pinang untuk melihat sendiri perkhidmatan yang disediakan di PEDi terutamanya dalam membantu pengunjung mendaftar dengan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Sejak PADU dilancarkan pada 2 Januari 2024, seramai 1,480 individu telah memanfaatkan kemudahan PEDi Taman Gelugor Indah ini untuk tujuan pendaftaran PADU. Perkhidmatan pendaftaran PADU ini disediakan oleh PEDi di seluruh negara dengan Internet berkelajuan 300 Mbps.

PEDi merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi (KK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang turut menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan seperti:

- i. Bayaran parkir kereta dan saman;
- ii. Pembayaran cukai tanah dan cukai taksiran;
- iii. Pendaftaran dan pembaharuan perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- iv. Permohonan Pelajar Tahun 1 dan Prasekolah; dan
- v. Permohonan pembaharuan pasport.

Seramai 1.3 juta jumlah pengguna PEDi dicatatkan di seluruh negara hingga 31 Disember 2023. Peratus tertinggi melibatkan pengguna dalam lingkungan usia 22 hingga 59 tahun iaitu sebanyak 60 peratus, berbanding pengguna berusia 21 tahun dan ke bawah sebanyak 34 peratus manakala warga emas berusia 60 tahun dan ke atas sebanyak 6 peratus.

Ketika ini, terdapat sebanyak 911 PEDi di seluruh negara yang telah menawarkan bimbingan kepada seramai 28,649 usahawan. Sejumlah 3.4 juta individu telah menyertai latihan yang ditawarkan oleh PEDi bagi tempoh 2016 hingga 31 Disember 2023.

Turut hadir Ketua Setiausaha KK, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md. Isa; Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif) KK, Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin dan Ketua Bahagian Koordinasi Negeri SKMM, Tuan Haji Bukhari Yahya.

**Dikeluarkan oleh:**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**